

Media : Sinar Harian  
Date : 8 August 2017

## Obor KL2017 singgah di AMB, penyertaan beri makna besar

SELAKU penaja platinum Sukan Sea Kuala Lumpur (KL2017), Ajinomoto Co Inc (Ajinomoto Co) menjadi antara syarikat terpilih untuk acara penyerahan obor KL2017 bertempat di ibu pejabatnya di Jalan Kuchai Lama, semalam.

Seramai 350 pelari dan peserta berkumpul di titik terakhir itu untuk me-

nyaksikan majlis penyerahan obor kepada Pengerusi Ajinomoto Malaysia Berhad (AMB), Jeneral Tan Sri Dr Mohamed Hashim Mohd Ali sebagai acara simbolik sukan dwitahunan ini.

Mohamed Hashim menyifatkan pembabitannya di temasya edisi ke-29 itu memberi makna besar ter-

utama menjelang hari kemerdekaan Malaysia pada 31 Ogos ini.

"Kami akan beri sokongan pengajuran temasya tahun ini dan berharap temasya kali ini akan berlangsung dengan jayanya.

"Saya percaya sokongan kami tidak akan terhenti di sini. Kami akan terus beri sokongan kepada semua

jenis program sukan pada masa akan datang agar kami dapat menyampaikan pengetahuan meluas mengenai sokongan nutrisi kepada atlet.

"Kepada atlet negara, menerusi slogan 'Malaysia Boleh', buatlah Malaysia bangga dan kami sentiasa berbangga dengan kamu dan kami akan terus mem-

beri sokongan," katanya.

Menjadi penaja KL2017 juga memberikan peluang buat Ajinomoto Co Inc (Ajinomoto Co) untuk menyediakan pelbagai lagi bentuk sokongan menerusi anak syarikatnya di rantau Asean menyalurkan pengetahuan mereka mengenai sokongan nutrisi kepada atlet seperti dikumpulkan mereka di Jepun.



Pengarah Urusan Ajinomoto (Malaysia) Berhad, Naoko Yamamoto menyerahkan obor kepada Mohamed Hashim sebagai upacara simbolik.